

Pengganti Zeti jangan ahli politik

Oleh **ZUNAIDAH ZAINON**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Calon Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) hendaklah tokoh yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan memiliki kewibawaan yang tinggi dalam menerajui sektor perbankan negara, serta bukan ahli politik.

Naib Presiden Affin Hwang Investment Bank dan Ketua Penyelidikan Runcit, Datuk Dr. Nazri Khan berkata, adalah lebih baik sekiranya calon ini tidak dipengaruhi oleh sentimen politik sebaliknya beliau perlu bebas dan profesional dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai Gabenor BNM bagi mengelakkan ia memberi kesan kepada keyakinan pelabur.

"Bagi saya, Tan Sri (Zeti) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan pastinya jika ditanya kepada orang industri dan keadaan ekonomi sekarang, jawatan berkenaan harus dikenalkan.

"Tetapi, saya yakin kita mempunyai ramai calon yang bersesuaian," katanya kepada *Utusan Malaysia* bagi mengulas mengenai desas-desus pengganti Zeti selepas beliau menamatkan kontrak pada April tahun ini.

Sementara itu, pasaran terus dijangka kekal lemah pada separuh pertama tahun ini ekoran beberapa faktor yang turut dipengaruhi dengan berita tentang pengganti Gabenor BNM.

Penganalisis HLIB Research, Sia

Ket Ee berkata, berita tersebut berlaku ketika pasaran tenaga global masih bergelut dengan situasi lebihan bekalan minyak dan pelabur yang masih tertunggu-tunggu kenaikan kadar faedah seterusnya oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS).

Di samping itu, katanya, China yang terus memperhalusi model pertumbuhannya juga memberi kesan kepada ekonomi global yang menyaksikan pertumbuhan dijangka kembali pulih pada kadar 3.4 peratus.

"Dengan senario berkenaan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan berkembang perlahan pada 4.5 peratus tahun ini, kesan daripada perbelanjaan pengguna yang lemah dengan BNM dijangka mengekalkan kadar dasar semalaman (OPR) pada 3.25 peratus tahun ini.

"Tetapi kita akan menyaksikan separuh kedua 2016 yang lebih baik didorong dengan pelantikan gabenor baharu selepas April, pasaran minyak yang lebih dinamik, impak cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang stabil membantu pemulihan ringgit kepada RM3.80 dan RM4.00 dan pada masa sama meningkatkan semula keyakinan pelabur," katanya dalam nota kajian di sini hari ini.

Bloomberg dalam laporannya menyatakan tahun 2016 bakal menyaksikan perubahan dalam kalangan ketua-ketua bank-bank pusat Asia ketika ekonomi serantau masih mengalami ketidakpastian.

Pada 2013, Zeti diletakkan dalam ranking 'Gred A' sebagai antara gabenor bank pusat terkemuka buat kali ke-10 oleh majalah *Global Finance*.

Secara keseluruhan, Zeti berkhidmat dengan BNM selama 35 tahun dan memegang jawatan gabenor sejak 2000.

Sementara itu, Geostrategis Institut Geospasial dan Sekolah Perdana Universiti



ZETI AKHTAR AZIZ

Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Azmi Hassan pula berpendapat, secara dasarnya negara tidak ketandusan calon untuk memegang jawatan penting tersebut tetapi ia perlu berwibawa dan berkebolehan untuk meneruskan dasar-dasar kewangan negara sedia ada.

"Saya berharap dalam isu pelantikan Gabenor BNM ini, tiada sebarang elemen 'kejutan' kerana tidak mahu ia memberi kesan mendadak kepada ekonomi negara memandangkan sebarang keputusan yang dibuat oleh gabenor adalah penting dan untuk itu, kita tidak perlukan perubahan drastik," ujar beliau.